

Headline	ADUAN		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2015	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	178,211
Page No	25	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	98 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,811



ADUAN

■ **MAKMAL** Klinik Kesihatan Bandar Sungai Petani tidak meletakkan label botol air kencing! Harap pihak kementerian siasat perkara ini.

M. NOR

■ **KUARTERS** pekerja KTMB di Jalan Tun Razak, Ipoh, Perak sudah uzur dan sesak dengan penghuni selain kawasan sekitarnya kelihatan terbiar dengan semak. Pihak berkenaan perlu buat sesuatu.

MAT LOKO

■ **TAK** ada siapa ke nak bela nasib pengawal keselamatan? Sudahlah kerja tanpa cuti rehat, gaji dibayar pula di bawah RM900. Kami ada tanggungan dan ada antara kami merupakan ibu tunggal.

UMNO TEGAR

■ **BUAH** mepelam sekilogram RM40? Tak apalah tak rasa pun tak menyesal. Hanya orang yang dah terlebih duit sahajalah boleh beli. Atau mungkin ringgit Malaysia sudah jatuh harga kot? Ini harumanis ke harumahal? Kata nak galakkan rakyat makan buah tempatan?

019-907XXXX

■ **KENAPA** resit pembelian barangan yang dikenakan GST tidak ditulis dalam bahasa Melayu. Minta kerajaan ambil perhatian.

019-369XXXX

■ **PENDEPOSIT** Tabung Haji yang telah naik haji didakwa tidak diberikan bonus tahunan. Ini tak adil kerana mereka turut sama menyimpan wang. Sebab itu ada yang nak tutup akaun.

019-249XXXX